



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Jurulatih muda jadi pilihan

Berita Harian, 5 September 1996, Page 13

Article also available on Microfilm Reel NL20779

Printer-Friendly Page

Jurulatih muda jadi pilihan

Langkah sejajar dengan matlamat Persisi dan 'syarat' SSC

SILAT Oleh **YUSOFF A. RAHMAN**

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) akan mendapatkan jurulatih yang lebih muda untuk mengendalikan skuad Singapura ke Sukan SEA Jakarta.

Ini adalah sejajar dengan matlamat Persisi untuk melihat kemunculan jurulatih-jurulatih baru dan memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Majlis Sukan Singapura (SSC).

Dalam hubungan ini, tiga jurulatih di bawah umur 43 tahun telah memohon untuk menyandang jawatan itu.

"Kami telah menerima tiga permohonan sebagai jurulatih nasional dan temu duga akan diadakan esok," jelas Setiausaha Agung Persisi, Jamaludin Jamil, semalam.

Mereka terdiri daripada Mohamed Ramli Awi dari Perguruan Seligi Tunggal Perwanit, Jasni Salam dari Perguruan Sendeng Pukulan dan Mohamed Noor Hashim (Perguruan Seni Gayung Pasak).

Menjelaskan tentang matlamat Persisi itu, Jamaludin berkata sesuai dengan perkembangan sukan ini, termasuk soal teknik perlawanan dewasa ini, maka adalah penting bagi pihaknya mendapatkan tenaga baru untuk mengendalikan skuad nasional.

Lagipun, ujar beliau lagi, SSC telah menetapkan setiap jurulatih nasional harus mempunyai Sijil Jurulatih Peringkat Tiga untuk mengendalikan skuad Sukan SEA.

Ditanya kedudukan dua jurulatih veteran, Hosni Ahmad, 72 tahun, dan Hussein Kaslan, 73 tahun, yang mengendalikan skuad Sukan SEA Chiangmai, Jamaludin memberitahu Persisi dijangka terus memerlukan khidmat mereka sebagai Penasihat Jabatan Perlatihan.

"Sebagai menghargai jasa dan pengalaman kedua-duanya, Persisi dijangka meminta mereka agar menjadi penasihat dalam usaha untuk terus membantu perkembangan sukan tersebut di sini," ujar beliau.

Beralih kepada temu duga hari ini, sebuah panel yang terdiri lima orang dan dipengerusikan oleh Presiden Persisi, Abdul Rahman Ismail, akan mengadakan temu duga

tersebut di bilik mesyuarat Persatuan Rakyat (PA).

"Kecuali Mohamed Noor, dua calon lain akan hadir dalam temu duga ini. Noor tidak dapat hadir kerana urusan peribadi.

"Bagaimanapun, panel akan tetap meneliti biodata Mohamed Noor yang disokong oleh badan kerabat dan guru utamanya, Hussein Kaslan, sebelum membuat sebarang keputusan.

"Keputusan panel ini nanti akan dirujuk kepada mesyuarat Majlis Persisi yang akan bersidang Jumaat ini sebelum pemilihan rasmi dibuat," jelas Jamaludin.

Jurulatih yang dipilih boleh bertugas secara sepenuh masa ataupun sambilan.